

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI**  
**SALLEH**  
**TARIKH** : **6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**  
**SOALAN** :

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional Suruhanjaya Pilihan Raya menolak permohonan Kerajaan Negeri Malaysia dan Malaysia bagi memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sedangkan Malaysia diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Sebelum ini, undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 tersebut mempunyai peruntukan mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya bagi melantik Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seksyen 10 Akta 171 pula menghendaki keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat secara pelantikan (*by appointment*). Justeru itu, SPR tidak dapat memenuhi permohonan Kerajaan Negeri untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan kerana undang-undang tidak membenarkannya berbuat demikian.

Perkara ini juga telah diputuskan sebulat suara di peringkat Mahkamah Persekutuan dalam kes *Government State Of Penang & ANOR v. Government Of Malaysia & ANOR* pada 14 Ogos 2014 [Kerajaan Pulau Pinang dan satu lagi lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi].

Sekian. Terima kasih.